



May 2023

Issue 2/2023

eLingua

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

UiTM PENANG BRANCH





Dear readers,

This is yet another issue of our in-house e-bulletin.

Thank you to all who have contributed to this issue. In fact, we really hope for a steadier stream of contribution from all of you to keep our bulletin going in the future. On behalf of the bulletin editorial committee, I hope you will have a fun time reading this issue.

Thank you.

What's Inside...

1 News & Reports

- [06. Festival Kebudayaan Melayu...](#)
- [08. Abracadabra 5.0](#)
- [10. Show Your Voice...](#)
- [12. Free Market 4.0](#)
- [14. From Goals to Gains...](#)
- [16. Charting the Course...](#)
- [18. Wabi-Sabi...](#)
- [20. Misi Akademik Feb 2023](#)
- [22. KARISTA 2023](#)

2 Language Clubs

- [28. e-Lingo Newsletter](#)
- [30. Youth Convention Report](#)
- [32. Open Mic Night Report](#)

3 Third Language

- [34. Anonymous Outreach Report](#)
- [36. Laporan projek rintis](#)

4 Special Columns

- [42. Roti Bengali](#)
- [44. Coffee Chronicle](#)
- [48. Super Food : Eggs](#)
- [50. Kebaya in the Nusantara...](#)
- [54. The Suap Gula Ceremony](#)
- [56. Bunga Telur The Malay Culture](#)

5 Lecturer's Contribution

- [60. The Toll Booths Analogy](#)
- [62. Why do we need to pause?](#)
- [64. The Qingming Festival](#)
- [66. Bersyukurlah](#)
- [68. Beralih, Kehilangan namun Mengharap](#)

6 Creative Writing

- [72. The Revenge: Kerachut](#)
- [74. An Ode to AutoEtnography](#)
- [75. R.I.P](#)
- [76. Kehilangan](#)
- [77. Perjuangan Kian Mati](#)

Happy reading...

SECTION 1

Events

Conferences

Meetings

Trainings

Workshops

Sports

NEWS / REPORTS





Festival Kebudayaan Melayu 2023 di MGS

Nukilan Raja Rosita Raja Berahim & Dr. Nur Ilianis Adnan

Festival Kebudayaan Melayu yang bertujuan untuk memperkenalkan keunikan budaya masyarakat Melayu telah berlangsung di Malaysian-German Society (MGS) pada 15 Januari 2023. Seramai 110 orang tetamu telah hadir memeriahkan program yang dijalankan oleh Akademi Pengajian Bahasa (APB) Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP). Selain dari pensyarah APB, pelajar yang sedang mempelajari Bahasa Inggeris, Bahasa Jerman dan Bahasa Perancis juga terlibat sebagai ahli jawatankuasa membantu menjayakan program ini.

Festival ini telah berlangsung dengan meriah. Pelbagai acara kebudayaan telah dipersembahkan seperti gamelan, silat Melayu oleh ahli Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Hanafi dan Tarian P. Ramlee oleh para pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Jambul. Selain itu, para pengunjung juga diberi tutorial ringkas cara memainkan gamelan.

Hidangan masyarakat Melayu seperti nasi tomato, nasi briyani dan aneka lauk-pauk turut dapat dibeli di acara ini. Pelbagai kuih-muih tradisional Melayu seperti kuih koci, kuih talam dan kuih popia sira juga diniagakan. Selain itu, kraftangan tradisional berasaskan batik juga dijual. Para pengunjung dapat memainkan permainan tradisional seperti congkak, batu Seremban, dan jentik tudung botol. Aktiviti mewarna disediakan khusus untuk kanak-kanak. Acara mencanting batik mendapat sambutan baik daripada para pelawat. Selesai acara tersebut, mereka dapat membawa pulang karya mereka.

Secara keseluruhannya program ini telah berjaya dijalankan seiring dengan objektif yang telah ditetapkan. Festival ini diharapkan dapat diadakan pada masa akan datang di UiTM CPP dengan suasana yang lebih meriah dengan kehadiran lebih ramai masyarakat antarabangsa.



Gambar kenangan APB



Pengunjung sedang bermain permainan jentik tudung botol



Persembahan gamelan oleh pensyarah bahasa Perancis dan dua orang pelajar



Pengunjung bermain congkak



Persembahan silat oleh Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Hanafi